

## BAB I: PENDAHULUAN

### A. Latar Belakang Masalah

Pendidikan adalah satu pengalihan pengalaman dari satu generasi kepada generasi selanjutnya, dan pengalaman yang dialihkan itu bukanlah pengalaman dari individu tersebut melainkan berbagai longgokan pengalaman dari generasi-generasi yang lalu yang mencakup segala aspek kehidupan<sup>1</sup>. Walau apapun yang boleh dikaitkan dengan definisi pendidikan, konsepnya tidak terlepas dari memberikan ilmu dari seseorang kepada orang lain tanpa mengambil kira kelompok dan had umur. Hampir setiap saat berlaku pengalihan pengalaman secara informal dan tidak dapat dihadkan pada kawasan tertentu kerana pendidikan ini tidak dapat dibataskan tempat dan waktunya. Dalam perkembangan pendidikan formal hari ini, kelompok tertentu dibentuk dalam satu masa dan diberikan pendidikan yang sama menurut katogeri umur dan kemampuan akal nya menerima ilmu.

---

<sup>1</sup> M Amien Rais, Cakrawala Islam, Cet.II, Penerbit Mizan, 1989, hal. 158

Dalam bahasa Inggris pendidikan bermaksud *education* yang berasal dari bahasa latin *educere* yang bermakna memasukkan sesuatu. Memasukkan di sini mungkin bersesuaian jika ditakrifkan sebagai memasukkan ilmu ke dalam pemikiran manusia. Di sini terdapat tiga perkara yang penting iaitu ilmu yang akan diajarkan, proses memasukan ilmu yakni mengajar dan akal manusia untuk menerima ilmu. Dalam bahasa Arab, perkataan yang paling banyak digunakan untuk menggambarkan pendidikan ialah tarbiyah<sup>2</sup>. Perkataan raba-yarbu ( رَبَا ، يَرْبُو ) bermakna bertambah, tumbuh dan berkembang<sup>3</sup> sementara perkataan rabba-yarbbu ( رَبَّ ، يَرْبِي ) mendekati maksud mengatur, mengasuh, menjaga, memimpin dan memelihara. Oleh itu tarbiyah bermaksud menyampaikan sesuatu hingga sempurna manakala perkataan rabba lebih mendekati sifat Allah.

Interpretasi perkataan ini cukup memberikan perbezaan antara maksud pendidikan menurut pandangan umum dan maksud pendidikan menurut pandangan Islam. Dua sudut pandangan yang

---

<sup>2</sup> Department Agama Republik Indonesia, *Al Quran dan Terjemahan: Bani Israil, ayat 24*, CV.Toha Putra Semarang, 1989, hal. 428.

<sup>3</sup> *Ibid.* hal.647.

berbeza ini telah memberi perubahan yang besar tentang fungsi dan tujuan dari pendidikan. Keadaan yang berbeza ini dapat dilihat dalam mendidik sesebuah sekolah atau universiti. Dari satu sudut, pendidikan akademik dan hal-hal duniawe yang lebih diutamakan dan diletakan dalam satu kelompok. Sementara di satu sudut yang lain penekanan terhadap pendidikan Islam hanyalah diberikan untuk menyatakan tentang ibadah yang perlu dilaksana dan bagaimana cara pelaksanaannya. Di dalam suatu keadaan yang lain, pendidikan Islam hanyalah pendidikan yang berlaku secara tidak resmi terutama dalam rumah tangga yang lebih mementingkan kemajuan dunia. Islam sendiri mengajar manusia tentang tatacara yang seharusnya dimiliki bagi memenuhi segala aspek kehidupan. Manakala dalam kehidupan duniawe diajarkan segala pengetahuan yang perlu dalam mengisi kehidupan yang mencabar. Sebuah kehidupan yang baik dalam menuju kepada usaha mencari kesempurnaan yakni manusia perlu mengejar pengetahuan di dunia dan mengamalkan ajaran agama untuk kepentingan akhirat. Islam telah menggariskan aturan hidup yang sesuai dengan keperluan jasmaniah dan rohaniah manusia di dunia dan akhirat. Dalam ajaran Islam mencakup semua bidang ilmu dan bukan sebaliknya yaitu ilmu pengetahuan di segala bidang itu berada di luar

dari agama Islam. Pemisahan yang disalahletakan (sekuler) memberikan satu kerugian dalam pendidikan Islam kerana tidak diukur menurut konsep penciptaan manusia oleh Allah swt.

Pendidik yang baik perlu mempunyai asas yang sama dengan maksud Allah menjadikan manusia di muka bumi ini. Konsep pendidikan yang sebenar akan membawa kepada pelaksanaan syariat Islam dan pembentukan keyakinan beragama kerana mendidik perilaku manusia adalah sama dengan mendidik perilaku beragama. Tidak ada sesiapaupun yang dapat menyangkal bahawa pendidik yang paling baik dan sesuai dengan fitrah manusia adalah Allah swt. Oleh itu dapat kita definisikan bahawa pendidikan Islam adalah merupakan satu usaha membentuk perkembangan fikiran, sikap serta perilaku yang mengajarkan manusia supaya mampu memanfaatkan kehidupan dalam mewujudkan diri sebagai manusia yakni khalifah Allah di muka bumi ini.

Allah menegaskan bahawa kehidupan manusia di muka bumi ini adalah sebagai ujian kerana manusia itu amat zalim dan bodoh seperti diterangkan dalam ayat Al Qur'an seperti di bawah.

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ



Ertnya:

"Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak menyemoumakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabi'at kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan<sup>4</sup>,

Surah Al Ah zab : 72

Manusia sentiasa dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman melalui Firman Allah;;

وَالْعَصْرِ . إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ . إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ

Ertnya:

<sup>4</sup>Bahagian Hal Ehwal Islam, Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian Al Qur'an, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1992, hal. 1121.

"Demi mase. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."<sup>5</sup>

Surah Al Ash : 1-3

dan Allah ingin menjadikan khalifah di muka bumi ini manusia yang bersifat keuh kesah. Sifat manusia ini jelas dalam ayat ini :

إِنَّا لَإِنْسَنٌ خُلِقَ خَلُوعًا ۖ إِنَّمَا سَاءَ النَّفْسُ الْكَافِرَةُ

Ertinya:

"Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabi'at resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah"<sup>6</sup>

Surah Al Ma'arij : 19 - 20

Sifat manusia juga amat mencintai harta benda yang berlebihan difirmankan Allah swt;

وَيُحِبُّونَ الْمَالَ حُبًّا

---

<sup>5</sup> *Ibid.* hal. 1725.

<sup>6</sup> *Ibid.* hal. 1565.

Ertinya:

*"Serta kamu pula sayangkan harta secara tama' haloba!"<sup>7</sup>,*

Surah Al Fajr:20

tergesa-gesa dan kikir. Dunia menurut al Quran hanyalah kesenangan sementara dan bukan tujuan akhir dari sebuah kehidupan dan manusia tidak boleh tertipu dengan melupakan akhirat. Hal ini jelas digambarkan dalam Al Qur'an ;

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَالَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ .  
أُولَئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّكَارُ وَحَبِطَ مَا صَبَّغُوا فِيهَا وَيَبْعَثُونَ

Ertinya:

*"Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh Al Qur'an tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya. Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari akhirat kelak selain daripada azab neraka, dan pada hari itu gugurlah*

<sup>7</sup> Ibid. hal. 1679.

apa yang mereka lakukan di dunia dan batallah apa yang mereka telah kerjakan.<sup>8</sup>”

Surah Hud, ayat 15-16

إِنَّ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا وَرَضُوا بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاطْمَأَنَّنُوا بِمَا أَلْزَيْنَاهُمْ عَنْ آيَاتِنَا غَفُلُونَ  
أُولَئِكَ مَأْوَاهُمُ النَّارُ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ.

Ertinya:

“Sesungguhnya orang-orang yang tidak menaruh ingatan akan menemui Kami (pada hari akhirat untuk menerima balasan), dan yang redha (berpuashati) dengan kehidupan dunia semata-mata serta merasa tenang tenteram dengannya, dan orang-orang yang tidak mengindahkan ayat-ayat (keterangan dan tanda-tanda kekuasaan) Kami, mereka yang demikian keadaannya (di dunia), tempat kediaman mereka (di akhirat) ialah neraka; disebabkan keingkaran dan kederhakaan yang mereka telah lakukan.”<sup>9</sup>

Surah Yunus ayat 7-8

---

<sup>8</sup> *Ibid.* hal. 509

<sup>9</sup> *Ibid.* hal. 471

أَرَأَيْتُكَ آلَاكَرُمٌ • الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ • عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ •

Ertinya:

*"Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."*<sup>10</sup>

Surah al Alaq: ayat 3-5,

Dalam ayat di atas, Allah swt berfirman bahawa manusia itu dapat dididik dengan kemampuan belajar. Allah swt tidak meletakkan manusia itu di dalam kehinaan, kerendahan dan tidak berharga tetapi manusia adalah makhluk yang istimewa yang dapat membezakan antara kejahatan dan kebaikan dengan adanya ketaqwaan. Manusia harus berupaya membersihkan dan mengembangkan serta meninggikan diri agar martabat manusia itu terangkat. Perkara ini telah disentuh oleh Allah swt dalam firmanNya,

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا • فَأَنشَأْنَاهَا وَنَفَوْنَاهَا • قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا • وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا •

<sup>10</sup> *Ibid.* hal. 1704.

Ertinya,

*"Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya) serta mengilhamkan (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjaya lah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dengan terbenamnya kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)" <sup>11</sup>.*

Surah As-Syam: ayat 7-10

Konsep keimanan dan keyakinan akan menjadi asas akidah yang kukuh sebagai penggerak manusia ke hadapan, optimis dan dinamis. Adanya syariat memberikan tatacara dan aturan yang mengatur sikap dan perilaku manusia diiringi dengan rasa penghambaan yang mendalam akan mampu melahirkan kesempurnaan matlamat dan syariat.

Sejak bermulanya perkembangan Islam, pendidikan Islam juga turut terjadi. Pendidikan formal dan sistematik pada kenyataannya

---

<sup>11</sup> *Ibid.* hal. 1686-1687

belum lagi wujud namun tidak dapat disangkal bahawa adanya pendidikan Islam secara informal dalam dunia Islam. Pendidikan Islam secara tidak formal menjadi landasan dalam usaha dakwah dan penyebaran Islam. Secara tidak langsung menjadi asas kepada pemahaman dan penghayatan Islam ke arah pengukuhan kepercayaan dan akidah. Pendidikan Islam yang diajarkan di zaman Rasulullah SAW sejak awal Islam bertapak di Madinah adalah bertujuan belajar menulis dan membaca dari guru-guru yang kebanyakan terdiri dari bukan Islam sementara pengajian bagi anak-anak diberikan oleh keluarga. Pada masa Khalifah Ar Rasyidin kemampuan menulis dan membaca semakin banyak.<sup>12</sup> Pendidikan yang dikenal dengan kuttab ini akhirnya menjadi pendidikan rendah yang dimulai dari umur 5 hingga 10 tahun dengan sukatan pelajarannya adalah Al Qur'an dan asas-asas agama Islam kemundian bertambah lagi dengan bahasa Arab dan matematik.<sup>13</sup> Kemundian berlaku perkembangan dalam pendidikan seperti madrasah menggantikan sistem halaqah, iaitu satu sistem pembelajaran selepas kuttab. Sistem halaqah adalah bermula

<sup>12</sup> Tim Penyusun (Ed. Badri Yatim), *Ensiklopedi Mini: Sejarah dan Kebudayaan Islam*, Cet. II, Logo Wacana Ilmu, Jakarta, 1998, hal..69.

<sup>13</sup> *Ibid* Tim Penyusun (Ed. Badri Yatim), hal. 70.

sejak Khalifah Umar Al Khattab yang mengambil tenaga pengajar diletakan di masjid-masjid Kufah, Basrah dan Damaskus yang sukatan pelajarannya meliputi Al Quran, hadist, tafsir, fiqh, kalam, bahasa Arab, sastra dan astronomi serta kedoktoran.<sup>14</sup> Madrasah telah pun wujud semasa Dinasti Samwiyah (395H/819M) di Nisyapur, Dinasti Saljuk yang didirikan oleh Wazir Nizham al Mulk dalam tahun 1064M kemundian oleh Sultan Alf Arslan dekat kuburan Abu Hanifah dengan nama Madrasah Imam Abu Hanifah (459H/1066M). Madrasah-madrasah didirikan lagi pada masa pemerintahan khalifah-khalifah Kerajaan Abbasiyah.<sup>15</sup> Sistem perkuliahan di Madrasah adalah dengan seorang guru (syekh) duduk dekat dinding dan mahasiswa duduk di depannya dengan membuat lingkaran separuh bulatan. Jumlah mahasiswa dalam satu halaqah biasanya 20 orang dan guru yang popular akan mendapat ramai mahasiswa dan terpaksa membahagi mahasiswa dalam kumpulan-kumpulan kerana mahasiswa bebas memilih guru yang diminati.<sup>16</sup> Prof. Dr. Haron Din dan Sobri Salamon sendiri mengakui bahawa metod pendidikan yang baik

---

<sup>14</sup> Ensiklopedi Mini Sejarah dan Kebudayaan Islam *Op.cit.*, hal.71.

<sup>15</sup> *Ibid.* Ensiklopedi Mini Sejarah dan Kebudayaan Islam, hal.73

<sup>16</sup> *Ibid.* Ensiklopedi Mini Sejarah dan Kebudayaan Islam, hal 71.



adalah berbentuk kebebasan dan terbuka, membentuk moral dan berbicara sesuai dengan sukatan akal dan daya pengertian mahasiswa. Sejarah pendidikan Islam bermula di mesjid dan pelajar bebas memilih guru yang digemari.<sup>17</sup>

Perkembangan pendidikan yang pesat berlaku di Tanah Arab turut tersebar hingga ke Nusantara (Kepulauan Melayu) oleh mubaligh-mubaligh dan saudagar-saudagar Islam dari Gujerat, Arab dan Parsi sehingga menjadi sebahagian dari ciri-ciri penduduk Asia Tenggara meliputi Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura dan wilayah selatan Thailand serta Filipina melalui proses pengIslaman yang beransur-ansur dan rumit.<sup>18</sup> Beberapa teori menjelaskan tentang kedatangan dan proses penyebaran Islam di Asia Tenggara di antara abad-abad ke 7 dan abad ke 13. Pemikir-pemikir sejarah Islam Indonesia lebih menyoal kedatangan Islam abad ke 7 dengan alasan-alasannya dan pusat penyebaran Islam pertama di Aceh adalah Samudera Pasai.<sup>19</sup>

---

<sup>17</sup> Dr. Haron Din, Masalah Pendidikan Islam di Malaysia, Cet. II, Al Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1998, hal. 14.

<sup>18</sup> Hussin Mutalib, Islam and Ethnicity in Malay Politics, Ter, A.E. Priyono dan Chistiadi, Islam dan Etnisitas, Pustaka LP3ES, Jakarta, hal. 16.

<sup>19</sup> Muhammad Said, Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh, Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh, diselenggarakan oleh Sekretariat Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh di Banda Aceh tanggal 10 - 11 Juli 1978, hal. 7.

Aceh adalah sebuah wilayah atau propinsi yang sekarang diberikan nama Propinsi Daerah Istimewa Aceh, terletak di hujung utara Pulau Sumatera. Wilayah yang mempunyai keluasan sebanyak 55,390 km persegi. Aceh turut mempunyai beberapa buah pulau yang berserakan di kawasan perairannya iaitu Pulau Banyak, Pulau Tuangku, Pulau Bangkaru, Pulau Simeulu (pulau yang terbesar), Pulau Breuh, Pulau Panasi dan Pulau Weh. Kawasan pergunungan tinggi terdapat di bahagian tengahnya yang merupakan sambungan dari Banjaran Bukit Barisan yang menganjur sepanjang Pulau Sumatera. Sementara itu, dataran rendah terdapat di kawasan persisir pantar Barat dan Timur.<sup>20</sup>

Dalam Ensiklopedi Islam menyebutkan bahawa Aceh berdiri pada tahun 1514 dan terdapat banyak kitab-kitab yang menyebutkan tentang Kerajaan Aceh Darussalam seperti Kitab Bustanus Salatin, Sejarah Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Aceh, Hikayat Raja-raja Pasai dan beberapa buah kitab yang ditulis dalam abad ke 16 dan 17 serta selepasnya. Pada abad-abad inilah

<sup>20</sup> Hassan Shadily (ed.), *Ensiklopedi Indonesia*, PT Ichtiar Baru-Van Hoeve, Jakarta, t.t., hal.68.

pusat pemerintahan Islam yang terbesar iaitu Melaka jatuh ke tangan Portugis, maka bangunlah Aceh memperkuat diri menjadi kekuatan Islam terbesar di Asia Tenggara. Pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda, beliau membina empayar yang luas dengan menakluki Aru, Pahang (1618), Kedah (1619), Perak (1620) dan menakluki Inderagiri dan Batu Sawar, ibu kota Johor dengan tujuan Islam harus dijauhkan dari pengaruh kuasa Barat.<sup>21</sup> Saudagar-saudagar dari Gujerat yang mendatangi Aceh cukup memberikan pengalaman dan peringatan tentang penguasaan Portugis di Goa, India. Hal ini juga mempunyai hubungan dengan pengaruh Perang Salib yang menyebar ke Asia Tenggara dengan kedatangan kuasa Barat seperti Portugis, Inggeris, Belanda dan Sepanyol.

Kerajaan Aceh Darussalam menjadi terkenal dan besar pengaruhnya di Asia Tenggara. Hal ini jelas dari usahanya menjalin hubungan dengan Kerajaan Turki Uthmani dan menerima bantuan tentara dari pengawainya seperti Celebi Ahmad, Celebi Ridwan dan Nakhoda Yakut. Kerajaan ini juga membuat hubungan dengan Kerajaan Pahang jelas dari perkahwinan puteranya dengan anak

---

<sup>21</sup> Dewan Redaksi Ensiklopedi Islam, *Ensiklopedi Islam*, Cet.II, PT Ichtiar Baru Van Hoeve, Jakarta, 1994, hal.50.

Ahmad Syah iaitu Sultan Pahang yang bernama Iskandar Thani.<sup>22</sup> Pada masa ini muncul ulama-ulama terkenal bukan sahaja di Aceh tetapi dalam dunia Islam dan Asia Tenggara. Di antara ulama-ulama Aceh yang amat mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam Nusantara ialah Hamzah Fansuri dan Syamsuddin al-Sumaterani yang mengemukakan penafsiran Wahdat al Wujud yang ditentang oleh Nur al Din ar Raniry dengan membawa doktrin yang mengubah penafsiran mengenai wujudiyah. Abdul Rauf Singkel dengan gelaran Teungku Syiah Kuala juga salah seorang dari ulama Aceh.<sup>23</sup> Berkat dari kedatangan ulama ke kawasan ini, pemikiran dan penghayatan hidup yang dikembangkan di kawasan itu turut dibawa bersama mereka. Kerajaan Aceh berkembang pesat dalam keagamaan dan tasawuf serta berperanan besar sebagai pusat studi dan dakwah Islam di Asia Tenggara.<sup>24</sup> Banyak buku-buku yang dikembangkan dalam bentuk tasawuf dan teologi termasuk tulisan Abdul Rauf al-Fansur dari Singkil, Aceh dengan kitabnya *Idhahul Bayan fi Tahqiqi Masa'ilil 'Ajan* dan Syeikh Syamsuddin bin Abdullah as Sumaterani dengan

<sup>22</sup> Ensiklopedi Islam, *LoLCit*, hal. 50.

<sup>23</sup> Azyu mardiy Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah*, Cet II, Mizan, Bandung, 1994, hal. 169.

<sup>24</sup> Ahmad Rafai (ed) kerjasama Lembaga Studi Agama dan Filsafat (LSAF), *Wawasan Intelektual Islam Indonesia*, Mizan, Jakarta, 1987, hal. 12.

kitabnya *Djawalirul Haqa'iq*. Masyarakat Aceh lebih menuntut diberi pengetahuan yang banyak tentang mistik berbanding minat mereka dalam ilmu ushul fiqh, fiqh, logika dan retorika.<sup>25</sup> Kerajaan Aceh tidak saja tertarik untuk dikunjungi oleh sarjana dan ulama tetapi juga saudagar-saudagar dari Timur dan Barat. Saudagar-saudagar dari Gujarat, India, China, Arab, Portugis dan Inggeris.

Tahun 1511 M, Melaka yang menjadi pusat penyebaran Islam di Nusantara jatuh di bawah kekuasaan Portugis. Kemajuan Melaka dalam perdagangan dan dakwah Islamiyah bertukar kepada Kerajaan Aceh Darussalam. Diakui oleh Prof. Dr. Mahmud Yunus, antara tahun-tahun 1646-1691M, Syeikh Abdul Rauf Singkel mengajarkan anak-anak muridnya di surau. Salah seorang dari muridnya Syeikh Burhanuddin kembali ke kampung halaman di Minangkabau serta membuka surau untuk mengajar.<sup>26</sup> Proses pendidikan Islam yang dijalankan di Aceh diamalkan di Minangkabau. Melihat akan kemakmuran dan keagungan Aceh dengan empayar yang luas di Nusantara dan perdagangan yang maju, maka pada tahun 1871M

---

<sup>25</sup> Azyumardi Azra, *Op.cit.*, hal. 108.

<sup>26</sup> Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, cet. 4, Mutiara Sumber Widya, Jakarta, 1995, hal. 25.

Belanda berhasrat memperluaskan kekuasaannya di Sumatera. Penetapan kawasan kekuasaan ini dibuat dalam perjanjian yang disebut dalam bahasa Indonesia dengan 'Traktat Sumatera'. Dengan terjadinya perjanjian ini, Belanda mendapat kebebasan untuk melakukan kekuasaan di Pulau Sumatera tanpa diganggu oleh mana-mana kuasa Barat.<sup>27</sup> Ketika itu keadaan pendidikan di Aceh mengalami perkembangan yang amat menarik. Sebuah Perguruan Tinggi Islam telah pun wujud di Banda Aceh dengan nama Jami'ah Baitul Rahman dengan 6 buah *pasentren* khusus pendidikan peringkat menengah dan 8 buah *dayah* iaitu pendidikan untuk peringkat menengah khusus kepada wanita. 5 buah *pasentren* terdapat di Sebreh, 6 buah di Indrapuri, masing-masing sebuah di Pekanbaru, Lampenuerut, Montasik, Kotabaru dan Sabang. Sementara di kawasan-kawasan yang lain di Aceh terdapat beberapa buah *pasentren* yang menjadi pusat pendidikan Islam. Kabupaten Aceh Barat dengan satu *dayah* untuk wanita dan 3 buah *pasentren*, Kabupaten Pidie dengan 3 buah *pasenteren*, Kabupaten Aceh Utara dengan 4 buah *pasenteren* dan sebuah *dayah*, Kabupaten Aceh Tengah 3 buah pusat pengajian.

---

<sup>27</sup> *Lotulif* Dewan Redaksi Ensiklopedi *Islam*, hal.50.

Kabupaten Aceh Selatan dengan 4 *pasenteren* dan sebuah *dayah*, dan Kabupaten Aceh Timur dengan 2 buah *dayah*.<sup>28</sup>

Pada bulan Febuari tahun 1873 Menteri Jajahan Van De Putte mengarahkan serangan dilancarkan ke atas Aceh. Sejak itu terjadilah Perang Aceh-Belanda dari tahun 1873 hingga 1914. Perang yang menghabiskan waktu yang lama itu sebagai usaha rakyat Aceh menentang penguasaan Belanda. Kesukaran menundukkan Aceh ini tergambar dalam tulisan Snock Hugronje, seorang orientalis Belanda yang mengkaji bertahun-tahun mengenai pengaruh fanatisme Islam terhadap sikap rakyat Aceh yang gigih melawan Belanda. Lapuran Snock Hurgronje berjudul *Verslag Omtrent Religius Politik Toestan den in Atjeh* (Lapuran Keadaan Politik Agama di Atjeh) yang dijadikan buku dengan judulnya *De Atjehers*. Hasil dari lapuran yang dilakukan oleh Snock Hugronje itu, Van Putte membuat serangan gerak cepat sehingga Aceh dapat ditakluki.<sup>29</sup>

<sup>28</sup> Tim Penyusun (Mukhtanudin dkk), Peta Sejarah Propinsi Daerah Istimewa Aceh, Peta Pendidikan di Daerah Istimewa Aceh Sebelum Pemerintahan Hindia Belanda (1661-1907), Proyek Inventarisasi & Dokumentasi Sejarah Nasional, Peta Sejarah Propinsi Daerah Istimewa Aceh, Jakarta, 1990, hal.14.

<sup>29</sup> Pusat Penelitian Sejarah dan Budaya (Proyek Penelitian dan Pencatatan), Sejarah Daerah Istimewa Aceh, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan, 1977/1988, hal.106.

Antara tahun-tahun Perang Aceh Belanda berlangsung, berlaku pembentukan lembaga pendidikan di Minangkabau. Kaum Muda semakin membuat penentangan terhadap kekuasaan Belanda dalam pendidikan Islam. Sistem pendidikan tradisional Islam harus berhadapan dengan sistem pendidikan moden Islam. Seperti yang lain, pendapat seorang ulama Sutan Takdir Alisjahbana bahawa pendidikan *pasentren* perlu ditinggalkan atau diubahsuaikan bagi membawa kaum muslimin ke arah rasional dan kemajuan.<sup>30</sup> Kelompok ini mendirikan sekolah-sekolah agama yang telah dimodernisasikan baik dari sistem, metod mahupun kurikulum. Pembelajaran bukan lagi secara 'halaqah' di surau tetapi kepada kelas-kelas dan tingkatan-tingkatan. Sementara di Aceh, pendidikan Islam mengalami kemunduran di antara tahun-1873-1904. Program pengajaran hanya ditumpukan dengan mengajar alif-ba-ta dan Juz 'Amma. Setelah tamat, diajarkan Al Qur'an hingga selesai diikuti pula dengan mempelajari kitab-kitab dalam bahasa Jawi (Melayu) dan kitab-kitab *Masailul Mukhtadi*, *Bidayah Miftahul*-

<sup>30</sup> Azyumerdi Azra, *Pendidikan Islam: Tradisi dan Modernisasi Menuju Millenium Baru*, Cet. I, Logos Wacana Ilmu, 1999, hal. 98.



*Jannah, Shirathal-Mustaqim, Sabuah-Mukhtadim* Mahmud dan beberapa buah lagi<sup>31</sup>.

Jami'ah Dinniyah didirikan di Blang Paseh. Sigli oleh Tengku Daud Bereueh, Madrasah Darul Huda di Bambi dan Madrasah Al Muslim di Peusangan, Bireun pada tahun 1930 dan Mahad Iskandar Muda di Lampaku, Aceh Besar pada 1 Januari 1940. Menurut Prof Dr. Mahmud Yunus lagi, pada masa itu pendidikan di Aceh hampir sama dengan di Minangkabau. Program pendidikan menurut kemahuan guru-guru yang kebanyakan kelulusan dari Thawalib, Normal Islam, Islamic College dan lain-lainya di Minangkabau.<sup>32</sup> Dalam buku tulisan Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* beliau mengikuti Kongres PUSA (Persatuan Ulama Seluruh Aceh) pada 1940 yang antaranya bertujuan :

- a. Menyiari, menegak dan mempertahankan syiar agama Islam
- b. Mempersatukan faham ulama Aceh tentang hukum Islam sedapat mungkin

---

<sup>31</sup> Mahmud Yunus, *loc. cit.*, hal. 176.

<sup>32</sup> *Ibid.*, hal. 177.

c. Memperbaiki dan mempersatukan rencana pengajaran

sekolah-sekolah agama di seluruh Aceh.<sup>33</sup>

Jepun datang ke Aceh selepas Belanda dan tentera Bersekutu meninggalkan Nusantara. Kedatangan Jepun disambut baik oleh rakyat Aceh sebagai jalan untuk memperolehi kebebasan dari kekuasaan penjajah. PUSA (Persatuan Ulama Seluruh Aceh) menyambut kedatangan Jepun dengan memberi kerjasama dan bantuan dengan harapan bebas dari penjajahan Belanda. Kedatangan Jepun yang disambut baik ini tidak menjamin Jepun tidak menjajah Aceh. Tindakan Jepun dalam masa penjajahannya ke atas Aceh menyebabkan rakyat membenci Jepun. Tenaga rakyat diperas sementara makanan dan keperluan rakyat dikurangi. Kesempitan ini menimbulkan penentangan rakyat terhadap Jepun dengan terjadinya Perang Bayu setelah 9 bulan Jepun mendarat di Aceh pada 7 November 1942<sup>34</sup>. Pada Mei 1945, ketika Jepun akan meninggalkan Aceh, terjadi lagi penyerangan terhadap Jepun di Pandrah yang dikenali dengan Perang Pandrah. Penguasaan Jepun dari tangan

---

<sup>33</sup> *Ibid.* Mahmud Yunus, hal. 178

<sup>34</sup> *Op.cit.*, Pusat Penelitian Sejarah dan Budaya, hal.168.

Belanda telah melumpuhkan perekonomian dan struktur sosial di kalangan masyarakat. Sikap penentangan ini semakin semarak akibat muncul kesedaran di kalangan masyarakat Aceh bahawa Jepun dan Belanda tidak berhak menguasai Aceh sehingga menjadi inspirasi memerdekakan diri dari penjajah.

Ketika berlaku peralihan kuasa daripada Jepun kepada Belanda, Aceh bersatu dalam Republik Indonesia. Kesempatan ini diambil setelah Jepun menyerah kalah 12 Augustus 1945 dengan proklamasi kemerdekaan 14 Augustus 1945. Belanda kembali cuba menguasai tanah jajahannya dan berlaku pertentangan yang hebat dengan masyarakat Aceh yang akhirnya Belanda tidak berhasil menduduki Aceh.<sup>35</sup> Seokarno sendiri pernah menegaskan dalam pidatonya ketika mengunjungi Aceh bahawa, "Rakyat Aceh adalah contoh pejuang kemerdekaan seluruh rakyat Indonesia, seluruh rakyat Indonesia melihat Aceh dan mencari kekuatan dari Aceh. Aceh menjadi obor perjuangan kemerdekaan rakyat Indonesia. Beliau juga menyatakan bahawa Aceh menjadi pelopor perjuangan kemerdekaan rakyat Indonesia di tanah Jawa, Sumatera dan lain-lain kepulauan

---

<sup>35</sup> *Ibid.*, hal. 179.

Sunda kecil, Kalimantan, Sulawesi yang memandang arah matanya pada Aceh.<sup>36</sup>

Walaupun begitu, perlawanan berlaku secara terbuka antara ulama menentang kekuatan Belanda. Akibatnya ramai ulama dan banyak lembaga pendidikan yang musnah seperti *meunasah* dan *dayah*<sup>37</sup>. Bergabungnya Aceh dalam Republik Indonesia berarti mencampurkan kebudayaan Aceh dengan kebudayaan daerah-daerah lain yang jauh perbezaannya. Aceh mempunyai masyarakat yang mempunyai kebudayaanya tersendiri yang diwarisi sejak Kesultanan Aceh memerintah terutama semasa Sultan Iskandar Muda. Prof. Dr. T.H. Ibrahim Alfian menerjemahkan tulisan Sheikh Abbas Ibnu Muhammad atau Teungku Chik Kutakarang tentang adat dan kebudayaan Aceh dalam kitab *Tadhkirat al Rakidin* (1839) antara lain sebagai berikut:

---

<sup>36</sup> Tim Penyusun, *Sejarah Perjuangan Rakyat Aceh*, Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Propinsi Daerah Istimewa Aceh, hal. 286.

<sup>37</sup> Azyumardi Azra, *Pendidikan Islam, Tradisi dan Modernisasi Menuju Millennium Baru*, no. 151.

*"Adat ban adat, hukom ban hukom, adat ngon hukom sama kembar; tatkala muafakat adat ngon hukom, nanggroe seunang hana goga"* maksudnya; "Adat menurut adat, hukum syari'at menurut hukum syari'at, adat dengan hukum syari'at sama kembar; tatkala muafakat adat dengan hukum itu, negeri senang tiada huru-hara."<sup>38</sup>

Sebagai masyarakat yang dilandasi dan ditumbuhi dengan ajaran Islam tentunya tidak rela membiarkan dirinya hidup dalam ajaran dan aturan hidup yang lain selain Islam. Pada tahun 1947, Madrasah Ibtidaiyah diganti dengan Sekolah Rakyat Islam manakala Madrasah Thanawiyah di ganti dengan Sekolah Menengah Islam. Sebelumnya pada tahun 1946 Normal Islam di Bireun dijadikan Sekolah Guru Islam dan tahun 1951 diubah lagi menjadi S.G.H.A (Sekolah Guru Hakim Agama) Negeri. Kementerian Agama turut menjadikan PGA (Pendidikan Guru Agama) Negeri di Kota Raja dan lebih 200 buah Sekolah Rakyat Islam dijadikan Sekolah Negeri. Dalam tempoh berada dalam Indonesia berlaku beberapa pemberontakan dan pertentangan dengan pemerintahan Indonesia. Dalam undang-undang No.10 tahun 1948, Republik Indonesia membahagikan pulau Sumatera

---

<sup>38</sup> Ibrahim Alfian, *Perang di Jalan Allah*, Pustaka Sinar Harapan, Jakarta, 1987, hal.38.

kepada tiga bahagian iaitu Sumatera Utara, Sumatera Tengah dan Sumatera Selatan<sup>39</sup>. Rakyat Aceh menjadi gelisah dengan penetapan tersebut dan setelah mengadakan musyawarah dan memperolehi persetujuan dari pimpinan masyarakat, serah terima jabatan dilangsungkan dari Tengku Muhammad Daud Bereueh kepada Perdana Menteri Muhammad Natsir pada tahun 1950. Walaupun terdapat persetujuan rakyat Aceh, perlaksanaanya sulit dan terbukti dengan berlakunya pemberontakan Darul Islam/Tentera Islam Indonesia (DI/TII) pada 20 September 1953. Pertentangan di antara PUSA dan Kaum Uleebalang kembali terjadi selepas terjadinya pembahagian wilayah tersebut.<sup>40</sup> Tahun 1954, SGHA (Sekolah Guru Hakim Agama Islam) Negeri ditiadakan dan dijadikan PGA (Pendidikan Guru Agama) lengkap dari kelas 1 hingga IV sementara PGA (Pendidikan Guru Agama) Negeri di Kota Raja dipindahkan ke Medan. Pembahagian wilayah ini akan menghapuskan wilayah Aceh secara tidak langsung dan pemberontakan muncul disebabkan Republik Indonesia dilihat semakin mengarah kepada komunisme dan

---

<sup>39</sup> Pemerintah Republik Indonesia, *Sumatera dalam Lintasan Sejarah*, Pemerintah Republik Indonesia Daerah Tingkat I, Sumatera Utara.

<sup>40</sup> Pusat Penelitian Sejarah dan Budaya, *Op.cit.*, hal. 188.

sanskritisme<sup>41</sup>. Perlawanan dan pertentangan rakyat sedikit demi sedikit telah mengorbankan banyak jiwa yang berlaku selepas Pemberontakan DI/TII. Walaupun telah banyak mengorbankan jiwa namun perjuangannya tidak lepas dari prinsip yang sama sejak pemerintahan Kesultanan Aceh membina empayar iaitu untuk mewujudkan pemerintahan yang Islami.

Memandangkan data-data tentang keadaan pendidikan di Aceh yang semakin terabai dan mundur, pihak berkuasa merasmikan Kampus Darussalam pada 2 September 1959. Di Kota Pelajar Darussalam ini didirikan Universitas Syiah Kuala dalam tahun 1961. Kegelisahan dan rasa tidak puas hati tentang eksistensi Islam di Aceh cuba diredakan dengan penubuhan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar Raniry pada Oktober 1963<sup>42</sup>. Institusi pengajian tinggi yang berkembang sedikit demi sedikit hingga ke hari ini menawarkan ijazah dalam pengajian agama Islam dengan lima buah fakulti ditubuhkan iaitu Fakulti Syariah, Fakulti Tarbiyah, Fakulti Dakwah, Fakulti Usuluddin dan Fakulti Adab. Lima fakulti

---

<sup>41</sup> Al Chaidar, *Aceh Bersimbah Darah*, Cet. IV, Pustaka Al Kautsar, Jakarta, 1999, hal. 9

<sup>42</sup> Pusat Penelitian Sejarah dan Budaya, *Op.cit.*, hal. 197.

memberikan bidang pendidikan yang berbeza namun penekanannya ialah agama Islam. IAIN Ar Raniry ditubuhkan bagi melanjutkan tradisi keIslaman yang pernah berkembang di sini ratusan tahun yang lalu<sup>43</sup>. Penubuhan ini juga dalam usaha membina generasi pelapis yang mampu memberikan kekuatan kepada lembaga-lembaga informal yang ada dalam masyarakat yang telah tumbuh suatu masa dulu dan akan berkembang memberikan peluang pekerjaan<sup>44</sup>.

Dalam masa yang sama, tindakan pihak berkuasa menangani persoalan pemberontakan hampir sama dengan negara lain iaitu pengukuhan dalam bidang pertahanan. Barisan pertahanan ditambah dan pengawalan ketat dilakukan oleh Republik Indonesia untuk menghapuskan pemberontakan yang berlarutan dan tidak henti-hentinya. Selepas lenyap satu pemberontakan muncul penentangan yang baru antaranya Gerakan Darul Islam/ Tentera Islam Indonesia, Pengacau Keamanan, dan Gerakan Aceh Merdeka<sup>45</sup>. Semua gerakan ini muncul dari kebijakan pemerintahan yang tidak menguntungkan

---

<sup>43</sup> Safwan Idris, *Amanat Rektor Pada Acara Wisuda IAIN Ar Raniry*, Laporan Wisuda Lulusan Program S-2, S-1 dan D-III, Rapat Senat Terbuka IAIN Ar Raniry, 13 Feb. 1999, hal 2.

<sup>44</sup> *Ibid.*, hal. 3.

<sup>45</sup> Al Chaudar, *Aceh Bersumpah Darah*, Cet. IV, Pustaka Al Kautsar, Jakarta, 1999, hal 68.



daerah dan rakyat Aceh. Arus reformasi muncul di Indonesia pada awal tahun 1998 memberikan nafas segar kepada masyarakat. Rakyat Indonesia kembali menilai pemerintahnya atas penyelewengan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa menyebabkan jabatan Soeharto sebagai presiden tergugah. Rakyat Aceh bergerak membebaskan dirinya dari cengkaman Daerah Kekuasaan Tentera (Daerah Operasi Militer) mencungkil kehidupan masyarakat yang telah jauh ketinggalan akibat dari perlbagai peristiwa yang berlaku. Penguasaan tentera adalah salah satu daftar perang dari serangkaian peperangan yang lama dan telah menghancurkan seluruh nadi kehidupan masyarakat.<sup>46</sup> Pergolakan sosial politik telah melambatkan dan tambah memburukkan lagi ekonomi masyarakat.

Dari satu sisi yang lain di peringkat antarabangsa, di sana sini semakin terserlah kemajuan ilmu pengetahuan yang dimonopoli oleh Barat dan sebahagian umat Islam merasa telah mundur. Mereka yang menentang rasa mundur ini cuba menjelmakan kebanggaan Islam melalui sastera mengingati zaman-zaman kejayaan<sup>47</sup>. Namun begitu

---

<sup>46</sup> Safwan Idris, Pendidikan Di Aceh, Badruzzaman Ismail, *Perkembangan Pendidikan Daerah Istimewa Aceh*, Penerbitan Majlis Pendidikan Daerah Istimewa Aceh, 1995, hal. 1.

<sup>47</sup> M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran*, Cet. III, Mizan, 1996, hal. 382.

perkembangan ilmu Barat tidak sejalan dengan teori agama sehingga muncul pertentangan hebat di Eropah antara ilmuan dan gereja. Hasil penyelidikan ilmiah tidak sama dengan kitab Perjanjian Baru atau Lama sehingga memisahkan antara agama dan ilmu. Pengaruh ini meresap masuk ke dalam sebahagian umat Islam walaupun apa yang dibuktikan di dalam Al-Quran hampir sama dengan penyelidikan ilmu pengetahuan.

Dari deskripsi di atas, pengkajian tentang pendidikan Islam di Aceh ditumpukan kepada Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar Raniry, untuk mendapatkan penjelasan tentang kekuatan yang ditunjanginya dalam Islam ketika arus sosio politik, ekonomi dan pengaruh ilmu pengetahuan Barat begitu kuat menghujannya.

## B. Perumusan Masalah

Dalam sebuah masyarakat yang mengalami berbagai kegoncangan seperti yang tercatat dalam latar belakang di atas, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam pastinya akan menerima berbagai persoalan dari persoalan masyarakat. Masalah yang akan penulis kaji ialah bagaimanakah penubuhan dan pelaksanaan pendidikan Islam di IAIN Ar Raniry sejak tahun 1963 hingga sekarang dan apakah sumbangan yang diberikan oleh IAIN Ar Raniry kepada masyarakat Islam di Aceh serta sejauhmana kemampuannya menghasilkan generasi pelapis sebagai penggerak dakwah Islam.

## C. Tujuan Penyelidikan

Penulis memilih membuat penyelidikan mengenai Peranan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar Raniry untuk memenuhi beberapa tujuan :

### I. Sejauhmana keberadaan IAIN Ar Raniry dalam masyarakat

Aceh sebagai sebuah institusi pengajian Islam.

II. Bagaimanakah perkembangan pendidikan Islam muktahir di Aceh, setelah mengalami berbagai gejolak politik terutama setelah kabur kemasyhurannya di dalam Indonesia..

III. Penyelidikan ini bagi memenuhi program khusus peringkat Ijazah Sarjana

#### D. Metodologi Kajian

Penulisan tesis ini akan menggunakan sistem pembahasan deskriptif analisis, iaitu penulis akan cuba memaparkan data-data yang diperolehi setelah dikronologiskan urutan peristiwa, kemudian dianalisiskan menurut pandangan penulis atau pandangan penulis lain sebagai bahan perbandingan bagi memperoleh ketepatan sejarah.

Data-data yang diperolehi akan dijadikan sebagai bahan penulisan penulis akan dapatkannya melalui sistem pengumpulan data dengan menggunakan field reseach (kajian lapangan). Manuskrip yang lama dan perkembangan terbaru tentangnya akan penulis perolehi dari simpanan IAIN Ar Raniry, Muzium Pusat Informasi Sejarah A. Hasjmy dan yang dimiliki oleh peribadi atau lembaga atau pertubuhan atau aset negara. Penulis juga akan mewawancara orang-orang yang mempunyai kaitannya dengan penulisan tesis ini di antaranya tokoh-tokoh yang masih hidup yang terlibat dalam pembinaan dan perkembangan IAIN Ar Raniry. Dalam penulisan ini, penulis akan cuba mengungkapkan perkembangan IAIN Ar Raniry dari masa ke semasa.

Teknik wawancara (interview) yang akan dilaksanakan adalah secara terbuka dan tidak perlu dibuat wawancara secara tertutup memandangkan judul ini perlu dimasukkan input sebanyak mungkin. Pendapat-pendapat individu yang tidak mempunyai tujuan tertentu akan penulis timbangkan sebagai usaha memasukan input yang benar dan lebih terperinci. Dari data-data lisan yang diperolehi, penulis

mendapatkan kenyataan bertulis dalam rekod-rekod simpanan pihak-pihak tertentu.

Setelah mendapatkan data, penulis akan menggunakan teknik historis iaitu memperhatikan sumber yang lebih primer dan disusun menurut kronologis dengan menggunakan pendekatan ilmu pendidikan, sosiologi dan sebagainya dalam mendapatkan kebenaran historis.

#### E. Sistematika Penulisan

Pembahasan yang akan dilakukan pada tesis ini terdiri dari lima bab dan beberapa sub bab. Antara bab satu hingga bab lima mempunyai hubungan yang saling berkaitan . Sistematika penulisan adalah seperti berikut :

Bab Satu adalah Bab Pendahuluan. Bab ini menghuraikan tentang Latar belakang Masalah, Perumusan Masalah, Tujuan

Penyelidikan, Metodologi Kajian dan Sistematika Penulisan. Sejarah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar Raniry. Dalam bab ini terbagi kepada tiga sub bab yaitu Usaha Penubuhan, Tujuan Penubuhan dan Tokoh-tokoh.

Bab Tiga adalah Sistem Pendidikan di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar Raniry. Dalam bab ini terbagi kepada Fakultas-fakulti Pendidikan, Kaedah Pendidikan, dan Tenaga Pengajar.

Bab Empat adalah Sumbangan IAIN Ar Raniry dalam Pendidikan Islam di Aceh. Dalam bab ini terbagi juga kepada tiga sub bab yaitu Taburan Mahasiswa, Taburan Alumnus dan Sumbangan Alumnus Terhadap Masyarakat.

Bab Lima adalah Penutup. Dalam bab ini terdiri dari kesimpulan dan saranan-saranan yang akan diberikan sebagai bahan berfikir dan tindakan.